

MASYARAKAT MODEN DAN DUNIA PENDIDIKAN

oleh

Rosnani Hashim

Jabatan Pendidikan, Universiti Islam Antarabangsa

Abstract

Modernization, the product of western colonization as many would regard has left indelible mark upon people's culture and thought. Perhaps the most outstanding of all is that the phenomenon of alienation. Man becomes alienated from his cultural and religious norms and life as a result of being subservient to the dictates of modern life. There are other elements brought about modernization, namely extreme bureaucratization and obsession to technology. These have aggravated the phenomenon of alienation. Man has become alienated from his God, his society, his environment and finally his ownself. This is perhaps the greatest challenge that the world of education has to address.

Modenisasi dan keterasingan

Lazimnya kita di sebelah timur menyamakan modenisasi dengan pabaratan sebab kesan modenisasi itu serupa dengan apa yang dialami oleh negara-negara yang pernah dijajah oleh kuasa Barat. Ciri modenisasi ialah pembabagian kehidupan kepada aspek peribadi dan aspek awam. Dalam *Schooling and Society*, Webb dan Sherman (1989) menyatakan bahawa kedua-dua aspek ini perlu diseimbangkan jika manusia inginkan kehidupan yang harmonis dan stabil. Aspek awam berfungsi untuk membantu manusia mencapai kecekapan (*efficiency*) dalam hidup walaupun dengan harga yang mahal. Aspek ini menimbulkan padah keterasingan atau kerenggangan. Sementara itu aspek peribadi dikerah untuk menentang arus keterasingan yang timbul daripada aspek awam. Malangnya, aspek peribadi ini mempunyai sedikit sahaja institusi sokongan. Keadaan ini bertambah buruk lagi dengan keruntuhan institusi keluarga yang sedang melanda negara maju.

Menurut Webb dan Sherman lagi, keterasingan atau kerenggangan ini menjelma dalam lima bentuk. Pertama, masyarakat moden melahirkan perasaan

tidak berdaya melalui masyarakat moden mewujudkan struktur-struktur gergasi (agensi kerajaan, pertubuhan, syarikat, institusi pendidikan, badan profesional) yang tidak difahami oleh rakyat jelata. Kehidupan individu yang inginkan kebebasan (kemodenan) tidak diatur oleh struktur masyarakat dan tidak dikawal oleh institusi-institusi tertentu. Ini membuatkan individu tersebut lebih mementingkan haknya, kepentingannya dan peribadinya. Struktur gergasi ini tidak bersifat "personal", tidak mengira insan dan tidak dipandu oleh perikemanusiaan.

Kedua, manusia moden mengalami kekecewaan dan kekosongan hidup kerana ia melihat lembaga-lembaga masyarakat sebagai suatu yang abstrak dan tidak dapat memahami dan menghayati. Ketiga, manusia moden tidak segan silu melanggar norma masyarakat apabila mendapati jalan untuk mencapai cita-cita mereka tidak wajar. Keempat, manusia moden juga mengalami perasaan tersisih dan menolak sebarang usaha untuk berkecimpung dalam masyarakat. Mereka tidak dapat merasa kepuasan dari peranan dan kerja yang mereka lakukan. Kita dapati bahawa proses ini berlaku di negara-negara yang pesat membangun seperti negara kita. Seolah-olah dalam proses menjadi sebuah negara moden dengan segala kemudahannya, kita mula meninggalkan nilai-nilai tradisional seperti keluarga besar yang akrab dan semangat gotong-royong.

Teknologi dan Pendidikan

Masyarakat moden dikenali sebagai mesin, peralatan, eksperimen, pengukuran, sikap rasional dan keabstrakannya. Masyarakat moden dikuasai oleh teknologi, sains dan industri. Seorang pendidik yang sudah tua usianya sudah pasti dapat melihat perkembangan-perkembangan yang berlaku dalam dunia pendidikan sejajar dengan kemajuan. Kini telah wujud satu bidang dalam pendidikan yang berkait rapat dengan teknologi yang dinamakan teknologi pendidikan. Tetapi sebagai pendidik tua dia sudah pasti sedar bahawa berbanding dengan satu peringkat dahulu, guru-guru kini sering dilanda kebekuan mental. Apa tidaknya kerana mental guru-guru kini tidak diberi latihan sebagaimana yang pernah dilakukan oleh guru-guru dahulu. Peranan guru kini seolah-olah menurut perintah dan arahan yang diputuskan oleh pihak atasan sahaja. Guru-guru kini mula merasa lemas dan tidak berpuas hati dengan tugas mereka sebab mereka tidak diajak berunding dalam hal yang melibatkan tugas dan kehidupan mereka. Tugas mereka kadang kala agak rutin dan mekanikal. Bayangkanlah pada satu ketika dulu guru-guru di sesebuah sekolah di kampung terpaksa berunding dan bermesyuarat sesama mereka untuk mengatasi masalah sekolah. Kini keputusan tugas itu semuanya dibuat oleh pihak-pihak tertentu dalam satu birokrasi, sedangkan pihak yang membuat keputusan itu terdiri daripada mereka yang tidak lagi terlibat secara langsung dengan murid-murid. Pentadbir sekolah pula cuma mengambil berat tentang prestasi murid-murid dalam peperiksaan umum yang berperanan besar dalam menentukan masa depan murid. Justeru itu guru-guru merasa tertekan oleh pengetua yang tertekan pula oleh ibu bapa dan Jabatan Pendidikan Negeri untuk menghasilkan keputusan cemerlang. Akhirnya guru berubah kepada memberi pelajaran untuk lulus peperiksaan semata-mata tanpa menghiraukan isu pendidikan seperti perkembangan moral, sosial, jasmani dan

akhlak. Ini mungkin satu contoh yang amat sederhana namun begitu amat jelas kesan dari pendidikan yang terlalu bergantung kepada teknologi. Dalam kes ini teknologi yang kita maksudkan ialah peperiksaan (pengukuran). Ini juga menunjukkan kesan penekanan pendidikan terhadap perkembangan kognitif semata-mata dan bukan pengajaran ke arah pemikiran kritis. Sebenarnya peperiksaan awam mengalihkan perhatian daripada matlamat sebenar pendidikan dan menumpukan fokus kepada matlamat pemerolehan fakta semata-mata. Tegasnya, ia semakin berfungsi sebagai satu sistem saringan bagi menempatkan pelajar ke dalam jurusan tertentu untuk memenuhi keperluan ekonomi negara bukan memenuhi fungsi asalnya iaitu, untuk mengukur keberkesanan sistem pendidikan dan memulih dan membantu golongan yang lemah.

Di negara maju, teknologi seperti program bacaan bersiri, membebaskan guru-guru daripada menggunakan daya intelektual mereka dan juga menumpukan otak mereka. Pernah pada satu ketika masyarakat menganggap bahawa radio, televisyen dan akhir sekali komputer akan mengambil alih tugas guru dengan wujudnya radio dan televisyen pendidikan. Tetapi kita telah maklum, bahawa teknologi tersebut sukar bagi menggantikan tugas guru. Ia cuma boleh membantu pengajaran. Media massa seperti televisyen, akhbar, majalah dan filem mempunyai pengaruh yang kuat ke atas pendidikan kanak-kanak. Namun demikian media juga terkenal sebagai tidak mempunyai "pertimbangan". Menurut Silberman dalam *Crisis in the Classroom: The Remaking of American Education*, pokok permasalahan ini ialah kegagalan untuk berfikir dengan serius akan matlamat dan akibat - kegagalan manusia untuk meneliti kenapa mereka melakukan apa yang sedang dilakukan atau untuk mengetahui kesannya. Dengan kata-kata lain, guru-guru mengajar tanpa memikirkan matlamat atau falsafah pendidikan yang didukungnya. Kalau guru sudah menjadi robot, apa akan jadi pada pelajar? Ujian kelayakan untuk menentukan guru-guru yang layak turut menyempitkan skop kriteria guru yang baik. Menurut Webb dan Sherman (1986) kursus perguruan telah memberi penekanan yang berat sebelah kepada "kaedah pengajaran dan penyampaian" daripada butir ilmiah atau kaedah pemikiran. Program pendidikan perguruan lebih condong menekankan psikologi pendidikan daripada sosiologi sejarah dan falsafah pendidikan yang boleh meluaskan arena pemikiran bakal guru. Lebih buruk lagi, psikologi pendidikan menganggap insan hampir setaraf dengan haiwan lain, tanpa roh khususnya jika seseorang mengikuti mazhab behaviorisme. Bakal guru pula disogokkan dengan hasil penyelidikan seolah-olah ia dapat digunakan dalam semua situasi bilik darjah walhal sepatutnya mereka diminta menggunakan daya intelek mereka memilih teknologi dan hasil penyelidikan yang bersesuaian.

Birokrasi dan Pendidikan

Masalah keterasingan yang timbul hasil daripada birokrasi yang merupakan ciri utama masyarakat moden turut meresap ke institusi pendidikan. Sekolah semakin bersifat birokratik dan "kurikulum tersembunyi"nya menyalurkan mentaliti ini. Kita tidak menafikan kepentingan sedikit birokrasi untuk melicinkan pentadbiran sekolah tetapi kita menentang sifat tidak personalnya, sifat kuku besinya, sifat

tidak bertolak ansur dan pemetakan menetapkan nilai-nilai kemanusiaannya. Ia lebih sesuai untuk mentadbir benda-benda inorganik tetapi di sekolah kita bergerak-balas dengan manusia. Keinginan kita untuk mencapai kecekapan di sekolah mungkin perlu dibayar dengan kemerosotan mutu pendidikan. Kita cenderung untuk melihat sekolah seperti kilang dan murid-murid sebagai bahan mentah dan proses pembelajaran - pengajaran sebagai kegiatan proses-hasilan. Dalam kerangka ini tumpuan kita adalah ke arah bagaimana hendak meningkatkan kuantiti produk pada harga yang lebih rendah. Kemudian kita akan mengukur dan menyukat menggunakan peralatan perniagaan dan akan menghapuskan kursus yang mahal untuk diselenggarakan walaupun ia bernilai tinggi untuk kesempurnaan tamadun manusia.

Perhatian berat kita terhadap sains dan teknologi telah mengakibatkan kemerosotan pengajaran sastera, seni, agama, bahasa dan subjek lain yang mempunyai hubungan langsung dengan kehalusan perasaan dan jiwa manusia. Kita telah menjadi terlalu berorientasikan utiliti atau vokasional sehingga ia meresap ke dalam pemikiran kita. Oleh demikian apakah yang dapat dipertakatakan tentang mutu hasilan kita. Mereka mungkin menjadi jurutera yang hebat tetapi terlalu individualistik, tidak mengendahkan jiran atau memperdulikan kebajikan masyarakat yang dianggotainya. Mampukah mutu pendidikan dipertingkatkan jika pentadbir-pentadbir pendidikan diasuh dalam tradisi perakaunan dan bukan dalam tradisi sosiologi atau falsafah? Sudah tentu ia akan mentadbir sekolah seperti mengurus sebuah kilang atau syarikat dan memberi perhatian kepada pengeluaran dan kecekapan. Dalam *Education and the Cult of Efficiency*, Callahan (1962) menyatakan bahawa pernah berlaku di Amerika Syarikat pada satu ketika di mana kumpulan pentadbir yang berjiwa akauntan ini meminta persekolahan diadakan sepanjang tahun kerana melihat pembaziran kemudahan sekolah pada musim cuti. Walaupun demikian, cadangan itu dibantah oleh *National Child Labor Committee* yang menyatakan:

Adalah satu kenyataan bahawa kanak-kanak di kawasan yang sesak di bandaraya-bandaraya mendapati sukar untuk mencari tempat rekreasi yang memuaskan. Justeru itu, kami mencadangkan bahawa jika pengaruh sekolah benar-benar bimbang dengan masalah "penggunaan kemudahan sekolah yang berterusan", maka beliau seharusnya menggunakan kepintarannya mencipta cara untuk menjadikan bangunan sekolah di bandaraya-bandaraya itu tempat-tempat rekreasi pada musim panas.

Matlamat sosial pendidikan

Matlamat sosial pendidikan dari perspektif Barat dapat dilihat dari tiga sudut. Pertama, dilihat dari pandangan Durkheim pendidikan mempunyai matlamat menyalurkan budaya dari satu generasi ke generasi seterusnya. Dari perspektif ini, masyarakat dianggap sebagai berupaya memberi susunan hidup dan individu yang menolak masyarakat terpaksa menerima padahnya. Menurut Durkheim, aspek sosial dalam sifat insan inilah yang memberi kita kestabilan hidup. Tetapi kalau ini diikuti secara ekstrim, maka akan lahilah manusia yang tunduk sahaja pada masyarakat tanpa membawa perubahan baru terutama dalam

menylesaikan masalah masyarakat yang sentiasa berubah. Kedua, pandangan yang dipelopori oleh Carl Rogers memberi keutamaan kepada individu. Menurutnya, pendidikan mestilah diarahkan kepada mengembangkan segala potensi individu dan memberinya kebebasan yang tidak terbatas untuk merealisasikan idealnya. Jika diturut pada ekstrimnya kita dapati bahawa pendidikan ini akan melahirkan individu-individu yang pintar dan kreatif tetapi angkuh dan mementingkan diri sendiri. Pandangan ketiga dipelopori oleh Dewey yang melihat pendidikan sebagai satu proses demokratik. Menurut Dewey, masalah pokok modenisasi ialah kelemahan hubungan individu dan masyarakat. Pada pendapatnya, kedua-dua pandangan di atas keterlalu dalam penekanan terhadap individu mahupun masyarakat. Beliau seolah-olah mencari jalan pertengahan. Menurutnya, masyarakat yang demokratik cuma akan lahir dari warganegara yang berpendidikan yang diasaskan atas pemupukan potensi individu supaya kreatif daya inteleknya bagi mengatasi masalah masyarakat di samping upaya bekerjasama sebagai anggota masyarakat. Individu-individu ini dibentuk oleh budaya dan juga membentuk budaya.

Nyata sekali bahawa matlamat sosial pendidikan yang tersebut di atas diwarnai oleh pengertian ahli falsafahnya tentang sifat insan. Tetapi beberapa ahli falsafah Barat menerangkan bahawa bagi kanak-kanak masyarakat moden dan juga generasi akan datang, matlamat pendidikan seharusnya menimbangkan tiga perkara sebagai matlamat sosial pendidikan, iaitu melahirkan manusia yang mempunyai daya intelek kreatif, mampu bekerjasama dan bermaruah. Kita yakin bahawa daya intelek kreatif amat perlu bagi generasi akan datang untuk menyelesaikan masalah zaman tersebut yang nampaknya semakin kompleks. Anggota masyarakat yang menurut rentak sahaja atau menyerah sepenuhnya kepada autoriti tidak dapat melahirkan individu yang berfikiran kritis yang mampu melahirkan budaya yang baik dan dibentuk pula oleh budaya tersebut. Pada waktu yang sama memanglah penting untuk menanam nilai kerjasama dalam jiwa kanak-kanak supaya mereka akan menjadi warganegara yang baik dan berguna kepada masyarakat. Mereka akan mengambil berat akan masalah orang lain dan kebajikannya. Oleh kerana murid memandang rendah kebolehan mereka menghadapi kesulitan dalam pembelajaran, guru mestilah meluahkan sedikit masa untuk membina kehormatan diri murid. Hal ini akan menukar pandangan dan sikap mereka terhadap kegagalan, dapat memperbaiki prestasi akademik dan memperbaiki sikap mereka terhadap kehidupan. Kehormatan diri cuma dapat dicapai apabila orang ramai mengiktiraf dan menghargai pencapaian seseorang individu itu.

Manusia moden dan agama

Adakah masalah bersabit dengan modenisasi terutama ketidakseimbangan individu dan masyarakat, akan lenyap apabila matlamat sosial pendidikan tersebut dapat disalurkan dan dijiwai?

Kami kurang yakin bahawa masalah tersebut akan lenyap. Keraguan ini berhubung kait dengan konsep insan itu sendiri. Konsep insan dari perspektif Barat telah mengabaikan peranan roh. Implikasinya ialah agama telah tidak

diberi perhatian dalam pendidikan insan. Jika kita menoleh kepada masyarakat pra-industri kita akan mendapati bahwa masyarakat tersebut diikat oleh tradisi keagamaan. Agama memberi makna dan susunan kepada kehidupan. Agama bukan satu unsur kehidupan primitif tetapi ia adalah sendi kehidupan itu sendiri. Tetapi dalam masyarakat moden, pesat dengan pelbagai industri, pelbagai sektor dan amat tinggi pengkhususannya di mana individu yang mempunyai tiga peranan yang berbeza mempunyai tiga identiti yang berlainan, agama tidak lagi menyatukan pelbagai sektor kehidupan tersebut. Sebaliknya ia telah disisihkan dan dalam proses itu ia telah disekularkan. Dalam pemikiran orang Barat moden, agama cuma terbatas pada aktiviti Gereja dan dianggap satu kecenderungan peribadi. Pada dasarnya peranan agama sebagai penyatu pelbagai sektor masyarakat telah gugur. Peranan ini kini diambil alih oleh birokrasi moden yang menyatukan masyarakat sebagai satu kesatuan yang sepadu dan berfungsi.

Masalah asas manusia moden

Kita boleh membuat kesimpulan bahawa masalah pokok terletak pada bagaimanakah manusia dapat menguasai semula kehidupan dan persekitarannya. Manusia hari ini perlu belajar bagaimana untuk hidup dalam masyarakatnya, dan bagaimanakah ia boleh menguasai secara mental dan emosi kuasa-kuasanya yang telah diciptanya. Untuk ini ia perlu mengawal proses pembahagian dan penyerpahan yang mempengaruhi hidup dan pemikirannya dalam bentuk pengkhususan. Dia perlu mengawal emosinya dan mencari keseimbangan antara yang rasional dan yang tidak rasional.

Dalam berbagai-bagai cabang budaya (sains, seni muzik, sastera, sukan, dan lain-lain) pengkhususan dan keprofesionalan telah memindahkan pemikiran insan ke tahap keabstrakan yang tidak pernah dijangkau oleh manusia. Ahli sains menjadi hamba kepada kaedahnyanya, ahli muzik mengorbankan keaslian muziknya untuk teknik yang lebih moden dan ahli sukan menukar semangat kesukanan permainan untuk pertarungan mengatasi kronometer (jam mengukur masa dengan amat tepat). Akibatnya, mereka semuanya membawa keabstrakan tanpa hujung yang tidak bermakna kepada bidang kepakaran mereka. Kita boleh mengambil langkah-langkah kolektif untuk membendung gejala ini tetapi perubahan sebenar harus berlaku dalam pemikiran individu. Kita sepatutnya menekankan peranan sepadu yang boleh dimainkan oleh seorang amatir, misalnya Ibnu Sina, Ibnu Rushd, Ibnu Khaldun dan Max Weber boleh dianggap sebagai mewakili golongan intelektual yang mungkin digelar sebagai "amatir profesional". Ibnu Sina bukan sahaja seorang ahli perubatan dan ahli sains, tetapi juga seorang ahli fiqh, ahli falsafah dan pendidik.

Manusia juga perlu belajar menguasai kekaburan sosialnya. Soalnya ialah sama ada dia boleh mengawal keseimbangan rohani dan jasmani tanpa kuasa luar? "Kematian Tuhan" yang diisytiharkan oleh Nietzsche, telah merampas peluang manusia moden daripada satu titik rujukan yang stabil di luar dirinya. Dalam usahanya mencari yang mutlak, manusia moden tidak mengenal sebarang had. Manusia moden mendewa-dewakan sejarahnya (Kemajuan), dirinya

(Kemanusiaan), jiwanya (Ketulunan) dan memandang sebarang sekatan atas "kemutlakan" ini sebagai pengasingan. Justeru itu "kematian" Tuhan telah membawa kepada kelahiran banyak dewa, salah satunya ialah manusia itu sendiri. Kematian ini bukan memerdakkan manusia daripada agama, tetapi sebaliknya mencampakkannya ke dalam satu proses pencarian makna, hakikat dan kebebasan mutlak dalam dunia yang fana? - satu proses tanpa hujung. Manusia mempunyai pilihan sama ada hendak meninggalkan pencarian ini dan memeluk fahaman bahawa semua yang ada termasuk nilai-nilai adalah relatif mengikut peredaran masa atau meneruskan usaha pencariannya. Jika ia meneruskan pencariannya sepertimana yang berlaku dalam masyarakat moden, maka dia berdepan dengan dua pilihan. Dia boleh mencari yang mutlak itu dalam dunia ini sendiri, mendewakan manusia dalam bentuk agama yang dicipta oleh manusia sendiri, atau ia boleh berpegang kepada Tuhan dalam agama samawi seperti Islam, Nasrani dan Yahudi, yang menyelamatkannya daripada menghambakan diri kepada dewa buatan sendiri.

Masyarakat Islam di persimpangan

Kita telah menyaksikan kesan modenisasi ke atas masyarakat Barat. Mereka hampir sampai ke kemuncak modenisasi dengan segala permasalahan yang kita sebutkan di permulaan rencana ini - keterasingan, keindividuan yang ekstrim, keruntuhan institusi keluarga, ketinggian kadar jenayah, kekayaan dan kepapaan yang ekstrim, ketandusan akhlak dan prinsip hidup bermasyarakat, kekuatan cengkaman birokrasi - sementara kita baru sahaja mahu melangkah. Sudah tentu kita tidak mahu mengalami nasib yang serupa. Tetapi bolehkah kita elakkan kesan-kesan tersebut dan pada waktu yang sama kita mengimport sains, industri dan teknologi mereka demi kesejahteraan hidup? Bukankah sekarang pun kita mulai merasa bangga terhadap modenisasi itu?

Sepertimana yang kita ketahui, sains dan teknologi bukannya bebas nilai. Ia didukung oleh sistem nilai. Tentulah sukar untuk menerapkan teknologi moden dan pada waktu yang sama menolak implikasi sosialnya. Fazlur Rahman (1982) dalam *Islam and Modernity*, menerangkan bahawa terdapat dua pendekatan yang dipegang oleh pemikir Islam moden iaitu membataskan ilmu moden kepada teknologi sahaja, dan menimba ilmu Barat moden bukan terhad kepada teknologi tetapi mengambil keintelektualannya. Pendekatan pertama boleh menerbitkan pensukuleran pemikiran dan sistem pendidikan kepada ilmu dunia dan ilmu akhirat sepertimana yang pernah berlaku di Turki semasa era Tanzimat dan di negara-negara Islam yang lain. Akhirnya ini merugikan umat Islam sendiri kerana sifat dualisme ini meresap ke dalam semua jurusan hidup. Pendekatan yang kedua pula mempunyai kelemahannya kerana sifat sains tabii Barat itu sendiri mendakwa keabadian peraturan alam tabii. Sudah tentu ia sukar meninggalkan ruang untuk kewujudan Tuhan - pencipta dan pentadbir alam yang akan menghancurkannya pada hari kiamat. Bassam Tibi (1988) dalam *The Crisis of Modern Islam*, menyatakan bahawa masyarakat Islam moden menghadapi krisis yang timbul daripada kepapaan intelektual dan material umat Islam dan juga daripada krisis identiti yang dibawa oleh Perbaratan (Modenisasi). Dalam analisisnya, beliau mendapati perkembangan pemodenan masyarakat Eropah

berjalan serentak dengan proses sekularisasi yang dimajukan oleh agen pembaharuan dalam organisasi gereja sendiri. Bassam Tibi seterusnya menyatakan bahawa sekularisasi adalah prasyarat kepada masyarakat moden dan mengutarakan tesis bahawa Islam perlu diskularisasikan. Menurutnyanya lagi, sekularisasi bukanlah satu tindakan yang sengaja tetapi ia adalah hasil evolusi sosial yang rumit dan kemuncaknya ialah masyarakat industri moden. Tambahnya lagi, sekularisasi bukan bermakna penghapusan agama.

Justeru itu tamadun Barat mengangap sekularisasi dengan positif bertentangan dengan pandangan tamadun Islam. Tanggapan negatif umat Islam ini bersesuaian dengan penjelasan S.M. Naquib al-Attas (1978) dalam *Islam and Secularism*. Beliau menyatakan bahawa unsur utama sekularisasi ialah konsep mengeluarkan dewa-dewa, semangat-semangat dan tuhan dari alam tabii. Tambah beliau, kedua-dua pandangan alam yang dilambangkan oleh sekularisasi dan sekularisme bertentangan dengan Islam. Kita merasa hairan juga bagaimana Bassam Tibi yang tinggal di negara Barat seolah-olah tidak melihat bagaimana agama telah disembunyikan di suatu ceruk tanpa peranan dalam masyarakat moden selain daripada sebagai pegangan peribadi. Oleh demikian kita lihat bahawa pendekatan kedua juga mempunyai kelemahan.

Kesimpulan

Pada hemat kami, kita masih boleh mengelakkan diri daripada apa yang dialami oleh masyarakat Barat. Kalau kita sorot apa yang dibincangkan di atas, kita perlu kekalkan fahaman kita tentang sifat insan, hubungan insan dengan alam dan juga hubungan insan dengan Tuhan dalam pandangan alam Islam. Fahaman ini pula mestilah dijadikan panduan dalam kegiatan kita. Ini bermakna segala institusi kita mesti mendukung fahaman ini. Contohnya matlamat pendidikan kita, sistem birokrasi kita dan semua institusi lain perlu bergerak atas landasan ini.

Merujuk kepada pendidikan, kita perlu memperakui peranan roh dalam diri insan. Bersesuaian dengan peranan pendidikan, roh juga perlu dibajai melalui pendidikan formal. Kesan yang buruk akan menimpa kita jika perkara ini diabaikan. Langkah Kementerian Pendidikan mengorak Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah amatlah dialu-alukan sebagai langkah positif ke arah ini tetapi masih menekankan nilai-nilai sejagat daripada mengukuhkan pegangan generasi akan datang kepada agama - sama ada agama Islam, Budha atau Hindu. Di samping itu matlamat sosial pendidikan yang lain seperti yang diingini di negara Barat untuk masyarakat moden seperti menanam sifat bekerjasama, sifat kehormatan diri dan daya intelek kreatif, perlulah juga dipupuk.

Pada pandangan kami, kita agak ketinggalan dalam aspek pemupukan daya intelek kreatif. Masalah kita dikusutkan lagi dengan kurangnya bilangan golongan intelektual dan pemikir dalam negara Islam (intelektual dalam pengertian ini berbeza daripada golongan ulama). Dalam *Intellectuals in Developing Societies*, S. Hussein al-Attas menyatakan bahawa "ketandusan golongan intelektual yang berfungsi" ini adalah faktor utama kemunduran dan beliau merayu kelahiran golongan ini sebagai "keperluan pembangunan". Tambah beliau lagi, keupayaan mengemukakan masalah, menyatakan dan mentakrifnya,

menganalisisnya, dan menyelesaikannya adalah kemestian dan tugas intelektual. Menurut beliau lagi semangat penyelidikan, gembira dengan usaha berfikir bersungguh-sungguh, menghormati ilmu saintifik dan rasional masih belum membudaya dalam negara-negara sedang membangun. Ketajaman berfikir ini sukar dibina melalui kaedah pembelajaran secara hafalan yang jelas tersebar di institusi tradisional. Kami menyokong seruan S. Hussien Nasr (1987) dalam *Traditional Islam in the Modern World*, supaya dikembalikan pengajaran Falsafah Islam dalam kurikulum pendidikan tinggi sebagai satu usaha ke arah meningkatkan pemikiran umat Islam. Menurut beliau lagi, pengenalan falsafah ke dalam sistem pendidikan ini amat perlu bagi menentang arus ideologi sekular dan falsafah palsu yang kini melanda umat Islam dan mengahakis asasnya. Pengajaran falsafah Islam dalam pengertian mendapatkan hikmah yang menjadikan ilmu yang hak, merupakan alat bagi mempertahankan kebenaran dan memberikan cara menangkis serangan yang terbit dari segenap penjuru terhadapnya.

Rujukan

- Al-Attas, S.H. (1977), *Intellectuals in Developing Societies*, London.
Al-Attas, S.N. (1978), *Islam and Secularism*, Kuala Lumpur : Abim.
Callahan, R.E. (1962), *Education and the Cult of Efficiency*, (Chicago: University of Chicago Press.
Nasr, S.H. (1987), *Traditional Islam in the Modern World*, London: Routledge & Kegan Paul.
Rahman, F. (1982), *Islam and Modernity*, (Chicago: University of Chicago Press.
Silberman, C.E. (1970), *Crisis in the Classroom: The Remaking of American Education*, (New York: Vintage Books.
Tibi, B. (1988), *The Crisis in Modern Islam*, tr. J. Silvers, Salt Lake City: University of Utah Press.
Webb R.B. & Sherman, J. (1989), *Schooling and Society*, New York: Macmillan Publishing Co.
Zijderveld, A.C. (1970), *The Abstract Society*, New York: Doubleday & Co.